

Ibu, anak dibunuh bersama orang gaji

Suami dengar jeritan isteri melalui telefon bimbit

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar
dan Rosdailah Zahari
bhnews@bharian.com.my

IPOH: Jafri Tajul Ariffin mendengar jeritan isteri dan anaknya meminta tolong melalui telefon bimbit ketika mereka dirompak dan apabila bergegas pulang dari tempat kerjanya, dia menemui isterinya berlumuran darah manakala mayat anak dan pembantu rumahnya terbujur kaku di bilik air.

Dalam rompokan jam 2.30 petang semalam, Wah Yah Mat Zi, 42; anaknya, Ermin Danish, 5 dan pembantu rumah mereka, Dani, 18, dibunuh seorang lelaki yang memasuki rumah mereka di Taman Pinji Seni di sini.

Wah Yah, seorang pengusaha salon dikatakan sedang berbual melalui telefon bimbit dengan Jafri, 47, sebelum seorang perompak bersenjata pisau tiba-tiba meluru masuk ke rumah yang tidak berkunci.

Ketika itu, Jafri yang bertugas tidak sampai dua kilometer dari rumah mereka di Taman Pinji Seni, bergegas pulang ke rumah selepas mengetahui isteri dan anak-



JAFRI (dua dari kanan) mententeramkan anaknya.

nya dalam bahaya.

Namun, segala-gala sudah terlambat bagi Jafri kerana apabila tiba di rumah beberapa minit kemudian, dia hanya dapat melihat mayat isterinya berlumuran darah, manakala anak bongsu kesayangan mereka Ermin terbujur kaku di dalam bilik air.

Beliau juga menemui mayat pembantu rumahnya yang ketika kejadian itu dipercayai sedang memandikan Ermin.

Semua mereka ditemui dengan kesan tikaman dan tetakan di beberapa bahagian badan.

Difahamkan, sebelum



POLIS memeriksa motosikal suspek kes bunuh di Taman Pinji Seni, Ipoh, semalam.

kejadian, Wan Yah baru mengeluarkan sejumlah wang dari sebuah bank berdekatan rumahnya dan suspek mengekorinya sehingga ke rumah.

Ketua Polis Perak, Datuk Zulkifli Abdullah, berkata suspek lelaki berusia 26 tahun yang mempunyai tiga

rekod jenayah berjaya ditahan orang awam ketika cuba melarikan diri dari tempat kejadian kira-kira jam 2.45 petang.

Zulkifli berkata, suspek juga pernah disiasat mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksaan atas kesalahan mencuri.

“Suspek terbabit juga dipercayai di bawah pengaruh dadah ketika kejadian,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian petang semalam.

Katanya, siasatan awal polis mendapati hanya sebuah komputer riba yang dilarikan dari rumah mangsa.